

Ibrahim Mustapa

Dari Negeri Sembilan Darul Khusus ...

TIDAK berapa lama dahulu Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan satu projek untuk mengkaji dialek dan istilah bahasa Melayu daerah-daerah Negeri Sembilan.

Salah satu tujuan utamanya ialah supaya dialek dan istilah tersebut dapat dikumpul dan diketengahkan menjadi khazanah bahasa.

Perkataan-perkataan yang dipilih untuk tatapan kali ini ialah *celui*, *ginco*, *jongkeh* (*jengkeh*), *ketupeh*, *nonggok* dan *poghak* (*perak*).

Celui/colu (ce + lui)

Maksud perkataan ini ialah, *mengambil sesuatu makanan atau lauk yang berkuah dari dalam belanga atau mangkuk gulai dengan jari tangan tanpa menggunakan sudu/senduk*. Perbuatan itu disebut *mencelui*.

Biasanya perbuatan mencelui ini gemar dilakukan oleh kanak-kanak untuk mengambil lauk dari mangkuk gulai tanpa menggunakan sudu. Contoh penggunaannya dalam ayat adalah seperti yang berikut:

Jangan *dicelui* gulai itu, nanti cepat basi.

Ginco (gin + co)

Perkataan ini membawa dua pengertian. Makna yang pertama ialah *bancuh* atau *kacau* seperti *memban-cuh* atau *mengacau* gula-garam di dalam air supaya menjadi larut. Makna yang kedua ialah *gaul sesuatu supaya sehati* seperti *menggaul* tepung dengan ramuan-ramuan lain, *menggaul* nasi dengan kuah, dan sebagainya.

Penggunaan perkataan ini dalam ayat adalah seperti yang berikut:

1. *Ginco* dulu air teh itu supaya hancur gulanya.

2. Kanak-kanak kecil gemar memakan nasi yang *diginco* dengan kicap.

3. Untuk membuat kuih lepat pisang, tepung mesti *diginco* dengan pisang dan gula merah hingga sehati.

Jengkeh/jongkeh (jong + keh)

Maksud perkataan ini ialah keras, kaku, mati. Contoh penggunaan dalam ayat dapat dilihat seperti yang berikut:

1. Gajah yang dijumpai terbaring dalam hutan itu sudah *jengkeh* (ertinya sudah kaku dan mati).
2. Apabila dia menonton lawak jenaka yang menggelikan hati itu, *jengkeh* perutnya dek ketawa (ertinya keras perutnya kerana terlalu ketawa).

Ketupeh (ke + tu + peh)

Maksudnya ialah *bergegas-gegas*, *tergesa-gesa*, atau *cepat*. Selain perkataan *ketupeh* ini, terdapat satu lagi istilah daerah yang sering digunakan dengan membawa maksud yang sama iaitu *kecapus* atau mengikut loghat NS disebut *kecapuih*.

Contoh penggunaan dalam ayat adalah seperti yang berikut:

1. Apabila dipanggil oleh Ketua-nya, *berketupeh* dia datang.
2. Satu lawatan mengejut telah dilakukan oleh Menteri Besar ke Pejabat Daerah itu. Semua pegawai dan kakitangan pejabat *berketupeh* berkemas-kemas dan menyiapkan kerja-kerja.
3. Budak itu *berketupeh/berkecapuih* lari untuk menyelamatkan diri kerana dikejar oleh anjing gila.

Nonggok (nong + gok)

Perkataan ini asalnya daripada perkataan 'tonggok', yang bermaksud 'longgok, tumpuk' (seperti yang ter-

dapat di dalam *Kamus Dewan*).

Bagi penduduk di Negeri Sembilan, apabila disebut 'nonggok', ertinya ialah *duduk berlonggok-longgok beberapa orang dengan berbual-bual kosong*. Jika duduk seorang diri tanpa membuat sesuatu pun dikatakan nonggok.

Contoh-contoh ayat:

1. Mereka sedang *nonggok-nonggok* di bawah pohon rendang itu sambil berborak-borak.
2. Puas Mak Esah mencari anaknya, rupa-rupanya budak itu *nonggok* di bawah rumah main pasir.
3. "Hoi, Mat! Apa yang kaubuat di tepi sawah tu?" "Tak ada apa-apa, cuma *nonggok-nonggok* saja, menghilangkan penat."

Poghak/perak (po + ghak)

Sejak dulu lagi telah menjadi kebiasaan dan kegemaran masyarakat Melayu desa Negeri Sembilan (terutama golongan tua-tua) menyediakan kawasan tanah lapang berhampiran dengan rumah mereka bagi tujuan menanam beberapa batang pokok lada, kunyit, beberapa rumpun serai, sayur-sayuran dan sebagainya.

Lazimnya, kawasan tanah lapang itu terletak di tepi-tepi dapur rumah mereka dan dipagar dengan buluh. Kebun sayur yang sederhana itulah mereka namakan 'perak' atau dalam loghat Negeri Sembilan disebut *poghak*.

Budaya 'berpoghak' ini masih diamalkan di kampung-kampung di Negeri Sembilan.

Usaha pendedahan yang seumpama ini dari semasa ke semasa, sedikit sebanyak dapat menghidupkan kembali kegemilangan bahasa daerah agar segar semula serta menjadi khazanah bangsa dan negara. ■